

Kemahiran warisan perlu dihargai dan dipelihara untuk melahirkan insan yang progresif dan proaktif dalam pelbagai bidang. Oleh itu, usaha bagi melindungi dan memelihara sejarah negara perlu diteruskan kerana ia akan dapat menggambarkan betapa nilai sejarah disanjung dan dihayati oleh orang ramai terutamanya untuk generasi akan datang.

DN 3.1: Mewujudkan Modul Latihan Kemahiran bagi Aktiviti Kebudayaan dan Warisan

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Menjadi sumber penyelidikan dan pendidikan.
- Menyumbang terhadap produk pelancongan.
- Memupuk semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda.
- Mengekalkan identiti Negeri Johor.

Komponen Cadangan:

- Menubuhkan badan khas dan pusat bagi latihan kemahiran terhadap masyarakat.
- Memelihara, memperkasa, memperkaya dan melindungi khazanah warisan, sejarah, seni dan budaya Johor.
- Fokus terhadap kepelbagaian kemahiran seperti pembuatan alat muzik, rumah tradisional, wayang kulit dan lain-lain.
- Memberi seminar untuk bimbingan kerja, klinik perniagaan dan pembuatan, latihan, kursus teknikal dan keusahawanan.
- Menawarkan insentif seperti pemberian elaun modal, penyediaan tapak dan kemudahan yang baik.
- Mempelbagaikan promosi seperti pameran, ekspo, lawatan perniagaan, penerbitan majalah dan risalah.

Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan projek melalui kerjasama awam, swasta dan masyarakat desa.

CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan aktiviti kebudayaan sedia ada di Johor Selatan.

Daerah	Jumlah Kampung
Johor Bahru	2
Kulai	4
Kota Tinggi	3
Pontian	4
Jumlah	13

AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • Institusi Latihan Perindustrian • Jabatan Tenaga Manusia (JTM) 	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Warisan Negara • Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan

ANGGARAN KOS

- Kursus latihan dan insentif tambahan = RM 50,000 x 13 = RM 650,000.

FASA PELAKSANAAN



Justifikasi Cadangan

Sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai bangsa dan budaya, Malaysia merupakan negara yang mempunyai pelbagai seni budaya dan kesan tinggalan sejarah yang perlu diwarisi. Kepelbagaian kaum di Malaysia mencorakkan perbezaan budaya dari aspek pakaian, makanan, seni muzik, perayaan, permainan dan lain-lain. Tamadun sesuatu bangsa dapat dilihat pada warisan seni budayanya. Cadangan ini turut membuka peluang terhadap pekerjaan seterusnya menyokong ekonomi dalam kawasan desa Johor.



Foto: Pembuatan Gasing Pangkah di Pontian
Sumber: Facebook, Gasing Pangkah Johor, 2022



Foto: Gelanggang Gasing Kg Parit Mastar, Benut
Sumber: Berita Harian, 2018



Foto: Kumpulan Zapin Sanggar Muzaffar, Kota Tinggi
Sumber: SK Muzaffar Syah, 2018



Foto: Aktiviti Memanah Tradisional di Kulai
Sumber: Rajawali Archery Club, 2022



Foto: Aktiviti Jong di Tanjung Piai, Pontian
Sumber: Malaysia Dateline, 2018

Kampung Berpotensi

Senarai lokasi yang bagi cadangan ini merupakan produk atau aktiviti IKS sedia ada di Johor Selatan yang merangkumi kelab persatuan. Senarai ini diperolehi daripada data terbuka Kerajaan Malaysia yang dikemas kini dari semasa ke semasa. Oleh itu, senarai kawasan yang terkandung di dalam maklumat data terbuka ini dilihat sangat berpotensi dalam memberi fokus terhadap usaha mengembangkan dan mengukuhkan produk sedia ada di Johor Selatan. Perincian produk kebudayaan dan tradisional bagi kawasan kajian adalah sebagaimana Jadual 6.1 di bawah.

Jadual 6.1: Perincian Produk Kebudayaan dan Tradisional di Johor Selatan

Perkara	Pemilik	Alamat	Jenis / Kategori
JOHOR BAHRU			
Kelab Kompang	Kompang & Silat Pak Long	Jalan Cempaka, Majidee Baru	Muzik & Tarian
Kelab Kompang	Kompang Sri Cempaka	Jalan Bunga Mawar, Kampung Dato Sulaiman Menteri	Muzik
KULAI			
Kelab Kebudayaan	SMPKV Indahpura	SK Pendidikan Khas Vokasional Indahpura	Muzik
Gasing Tradisional	Persatuan Gasing Tradisi Johor	A21 Kampung Rahmat	Permainan
Memanah Tradisional	Rajawali Archery	Jalan Rajawali 6, Bandar Putra	Permainan
Tarian Zapin	Diana Sulaiman	541b, Jalan Kenari, Bandar Putra	Tarian
KOTA TINGGI			
Kelab Kompang	Kumpulan Kompang Rakan Muda	Kampung Makam, Kota Tinggi	Muzik
Jong	Pembuatan Jong (Pak Andak)	Kampung Linting, Tanjung Surat	Permainan
Tarian Zapin	Kumpulan Sanggar Muzaffar	SK Muzaffar Shah, Felda Air Tawar 3	Tarian
PONTIAN			
Gasing Tradisional	Gelanggang Tunas Warisan	Kampung Permatang Duku, Benut	Permainan
Gasing Tradisional	Gasing Pangkah Johor	Kampung Parit Mastar, Benut	Permainan
Jong	Persatuan Jong Tanjung Piai	Tanjung Piai, Pontian	Permainan
Kelab Kompang	Persatuan Kompang Parit Mansor	Parit Mansor, Benut	Muzik

Sumber : Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019